

# AL-HIKMAH

---

<b>Jilid</b>	<b>9</b>	<b>ISSN 1985-6822</b>	<b>2017</b>
<b>No.</b>	<b>2</b>		<b>1439</b>

---

- CABARAN BAGI GOLONGAN OKU PENGLIHATAN DALAM MELAKSANAKAN IBADAH SOLAT...3-15  
*Nurul Asmak Liana Bakar*
- HIDUP BERKELUARGA MELALUI DIDIKAN AMALAN Q-ROHANI (AFEKTIF): SATU PENDEKATAN FUZZY DELPHI...16-31  
*Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Abdul Muqsinh Ahmad, Nurulrabihah Mat Noh*
- TAUBAT PENAGIH DAN PENERIMAAN KOMUNITI: KAJIAN KES DI BAITUL CAKNA TERENGGANU ...32-40  
*Ahmad Tarmizi Yusof, Mohd Safri Ali, Wan Hishamudin Wan Jusoh, Berhanundin Abdullah, Abdul Wahab Ali*
- KEPENTINGAN KEROHANIAN DALAM MENANGANI PESAKIT KANSER WANITA MENURUT ISLAM ...41-56  
*Nora Ahmad @ Aziz, A'dawiyah Ismail, Salasiah Hanim Hamjah*
- CIRI-CIRI GPI PROFESIONAL BERASASKAN RIADHAH RUHIYYAH MENURUT PANDANGAN AL-GHAZALI: ANALISIS KANDUNGAN BAB ADAB TERHADAP GURU DALAM KITAB IHYA ULUM AL-DIN ...57-77  
*Habibah @ Artini Ramlie, Zaharah Hussin*
- ISU-ISU DAKWAH DALAM TAFSIR AL-QUR'AN AL-KARIM ...78-86  
*Nadzrah Ahmad, Sohirin M Solihin, Ahmad Nabil Amir*
- TAZKIYAT AL-NAFS DALAM KERANGKA MAQASID AL-SHARIAH ...87-98  
*Abu Darda Mohamad, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar, Mohamad Zulkifli Abd Ghani*
- PEMELIHARAAN HARTA: ANALISIS MENURUT DIWAN IMAM SHAFTI ...99-112  
*Khazri Osman, Ahmad Irdha Mokhtar, Mohamad Zulkifli Abd Ghani, Najihah Abd. Wahid*
- IDENTIFIKASI IDENTITI BISEKSUAL DAN HUBUNGANNYA DENGAN ASPEK SOKONGAN SOSIAL DAN KESIHATAN MENTAL DALAM KALANGAN INDIVIDU BISEKSUAL DI MELAKA... 113-130  
*Suhaya Deraman, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar, Anis Nor Amelia Nor Asikin & Izzah Nur Aida Zur Raffar*
- PENERAPAN FIQH AWLAWIYYAT DALAM DAKWAH KEPADA SAUDARA BARU... 131-140  
*Mohamad Zulkifli Abd Ghani, Khazri Osman, Ahmad Irdha Mokhtar, Anuar Puteh, Abdul Ghafar Don*
- TEORI KEPIMPINAN DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN BARAT DALAM TERMA KEPIMPINAN TRANSFORMASI... 141-153  
*Nor Anisah Abu Hanipah, Razaleigh Muhamat@Kawangit*
- PERSEPSI KHATIB TERHADAP SENI RETORIK DALAM TEKS KHUTBAH JUMAAT JAWI... 154-166  
*Mohd Azizon Noordin, Zulkefli Haji Aini*
- PERLAKSANAAN HISBAH DI MALAYSIA PADA MASA KINI: PERKEMBANGAN DAN HALANGAN... 167-185  
*Muhammad Syahir Abu Bakar, Wan Fariza Wan Alyati Wan Zakaria, Kamaruddin Salleh*

• رحمت الله الهندي الكيرانوي وكتابه إظهار الحق: النقد الإسلامي للعهد القديم والجديد ... 204-186

عبد الكبير حسين صالح

## Kepentingan Kerohanian dalam Menangani Pesakit Kanser Wanita Menurut Islam

Spiritual Importance in Dealing with Women's Cancer Patients According to Islam

NORA AHMAD @ AZIZ  
A'DAWIYAH ISMAIL  
SALASIAH HANIM HAMJAH

### ABSTRAK

Kerohanian menurut Islam merupakan aspek penting yang perlu difahami oleh semua pesakit kanser dan ianya sangat sesuai diaplikasikan bagi pesakit kanser wanita. Kanser adalah satu ujian yang baik untuk manusia atau pesakit hidup lebih cemerlang, dengan syarat pesakit tersebut tabah. Namun, terdapat segelintir manusia apabila menghadapi ujian kesakitan, mereka tidak redha dan sabar sehingga tiada harapan untuk meneruskan kehidupan. Selain itu, terdapat juga pesakit yang mengambil jalan pintas iaitu mendapatkan kaedah rawatan tradisional seperti bomoh, pawang dan sebagainya. Akibatnya ramai pesakit yang menganggap ujian ini sebenarnya tiada harapan lagi dan hanya menunggu ajal sahaja. Bahkan juga ada sebahagian amalan mereka jauh menyimpang daripada ajaran Islam. Hal ini menyebabkan pesakit mengamalkan rawatan yang tidak betul dan bertentangan dengan tuntutan syarak seperti mengamalkan mantera yang jelas terpesong dari akidah yang sebenar. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji konsep kerohanian dan kepentingan kerohanian dalam menangani pesakit kanser wanita menurut Islam. Kajian ini menggunakan reka bentuk dokumen analisis kandungan dengan mengumpul data-data yang berkaitan kefahaman yang mendalam dari aspek teoritikal. Dapatan kajian mendapati bahawa konsep kerohanian amat sesuai diamalkan dalam kalangan pesakit kanser wanita dan kepentingan aspek kerohanian seperti mengakui bahawa ujian adalah satu rahmat daripada Allah SWT, dapat membersihkan jiwa orang-orang mukmin dan sebagai satu latihan kepada manusia dalam membentuk peribadi mulia.

**Kata Kunci:** kerohanian, kanser, wanita.

## PENGENALAN

Musibah yang berlaku kepada manusia seperti sakit dan sebagainya adalah ujian dari Allah SWT. Contohnya ditimpa sakit kanser. Ujian yang Allah SWT datangkan itu ada dua tujuan utama sama ada satu rahmat atau kebinasaan. Pada hakikatnya, apabila direnungi ia adalah satu cara penghormatan untuk memurnikan dan memantapkan iman dalam diri seseorang. Sesuatu yang datang daripada Allah SWT tiada satu pun yang buruk atau zalim, jauh sekali sesuatu yang berunsur mahu menghancurkan kehidupan manusia (Azar 2011). Hakikatnya manusia ada kelemahan yang semula jadi tetapi Allah SWT juga telah mengurniakan akal untuk manusia berfikir antara baik dengan buruk dan bertindak mengikut landasan yang benar. Ketika ditimpa musibah, akal dan hati mesti dikawal supaya tiada kecenderungan untuk memikirkan perkara buruk dan salah sangka yang tidak baik dengan Pencipta. Kanser adalah merujuk populasi sel yang membahagi di luar proses kawalan yang tumbuh seolah-olah tanpa sekatan (Azimathol 1998). Pendapat Azimathol disokong oleh Lokman bahawa kanser merupakan pertumbuhan sel-sel abnormal yang tidak terkawal (Lokman 2013.) Kanser merupakan penyebab kematian yang utama di dunia. Kanser adalah sejenis penyakit kronik yang menyebabkan kesengsaraan kepada berjuta-juta manusia di seluruh dunia. Lima kanser yang paling utama dalam kalangan wanita ialah kanser payudara, serviks, usus besar, rahim dan ovari (Mohd Rushdan 2008).

Setiap penyakit ada ubatnya kerana Allah SWT yang memberikan penyakit, maka Allah SWT yang menetapkan ubat ataupun penawarnya kecuali tua dan mati (Amran & Haron 1997). Setiap penyakit sama ada sakit fizikal, mental ataupun yang berkaitan dengan hati semuanya ada penawar. Setiap penyakit pasti ada penawarnya di sisi Allah SWT, meskipun ia tidak dapat diubati oleh para doktor. Kemampuan Allah SWT menyembuhkan adalah dengan ketinggian ilmu-Nya yang tidak dapat ditandingi oleh manusia. Manusia diingatkan agar tidak sesekali berputus asa dan terus berusaha sebagai suatu ikhtiar bagi mencari penawar penyakit yang dihadapi (al-Tayyibi 1993). Rasulullah SAW menyuruh agar setiap orang yang sakit itu berusaha untuk berubat sama ada dengan pertolongan orang lain yang pakar dalam bidang yang dimiliki ataupun oleh diri sendiri (Haron 2011).

## PERNYATAAN MASALAH

Kanser boleh menyerang sesiapa sahaja dan ia datang dengan pelbagai cara dan keadaan (Lokman 2013). Semua peringkat golongan manusia berpotensi mengidap kanser. Kanser bukan seperti luka yang mampu baik dalam sekelip mata. Kedatangan kanser dalam kehidupan wanita dianggap sebagai satu ujian yang harus diterima. Apabila wanita itu disahkan sebagai pesakit kanser, ia boleh menyebabkan seseorang wanita itu berada dalam keadaan yang tertekan. Manusia menganggap apabila ditimpa ujian atau sakit ke atas mereka merupakan suatu tanda bahawa Allah SWT tidak menyayangi mereka. Ramai pesakit yang menganggap ujian penyakit kanser ini sebenarnya tiada harapan lagi dan hanya menunggu ajal sahaja. Ramai pesakit kanser akan menghadapi kecelaruan emosi, ketidakstabilan diri dan menghadapi tekanan sehingga menyebabkan keadaan tidak sejahtera dan kurang efektif dalam menjalani kehidupan seharian. Emosi sedih mulai timbul apabila pesakit kanser tersebut berhadapan dengan sesuatu yang tidak diingini. Pesakit ini hanya mampu menangis dan menyalahkan takdir kerana kesedihan dan terpaksa melalui penderitaan ini di dalam kehidupan mereka. Akibat kecelaruan emosi tersebut, pesakit tidak dapat berfikir dengan baik, merasa ketakutan dan rasa ketidakpercayaan ke atas apa yang orang lain cadangkan akan menjadikan pesakit itu menjurus ke arah berputus asa pula. Ada juga dalam kalangan mereka yang mengubati penyakit kanser ini dengan cara berjumpa bomoh atau pawang. Sebahagian amalan bomoh atau pawang jauh menyimpang daripada ajaran Islam (Mohd Zaini & Mohd Sukki 2010).

Hal ini menyebabkan pesakit mengambil dan mengamalkan rawatan yang tidak betul dan bertentangan dengan tuntutan syarak kerana mengamalkan mantera yang jelas terpesong dari akidah yang sebenar. Justeru itulah, kertas kerja ini memperkenalkan kaedah rawatan melalui aspek kerohanian kepada pesakit kanser yang mengambil perubatan moden, tradisional dan rawatan alternatif tanpa melanggar batas syarak yang telah ditetapkan. Secara fitrah, badan manusia memerlukan elemen kerohanian untuk mensejahterakan fizikal, mental dan emosi untuk terapi diri bagi menenteramkan hati, akal dan jasad demi mencapai kesejahteraan hidup (Mohd Kamel 2011).

## OBJEKTIF

Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada dua objektif berikut:

- a. Mengkaji konsep kerohanian daripada perspektif Islam.
- b. Mengenal pasti kepentingan kerohanian dalam menangani pesakit kanser wanita menurut Islam.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan dengan analisis kandungan adalah penting untuk membolehkan pengkaji mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang mendalam mengenai permasalahan yang menjadi tumpuan kajian. Dalam kaedah ini, penulis akan mengumpul data-data yang berkaitan dengan bahan-bahan sekunder iaitu bahan-bahan bertulis atau bercetak daripada buku-buku ilmiah, kertas kerja, tesis, artikel dalam jurnal dan sebagainya. dengan meneroka kepentingan kerohanian dalam menangani pesakit kanser wanita menurut Islam (Mohd Majid 2009).

## KONSEP KEROHANIAN MENURUT ISLAM

Konsep kerohanian menurut (Abu Soleh 1997) bahawa hubungan dengan Allah SWT dapat direalisasikan dengan melakukan ibadat kepada-Nya. Ibadah dalam Islam merupakan pertalian terus menerus antara hamba dengan Allah SWT. Dalam hubungan ini, seseorang manusia semasa menyembah Allah SWT berada dalam keadaan bebas daripada sebarang perantaraan atau wasilah dan tempat yang suci di bumi boleh melakukan ibadah kepada Allah SWT. Agama Islam menganjurkan umatnya agar sentiasa menjalinkan hubungan dengan Allah SWT di mana segala tindak tanduknya harus terikat dengan segala perintah dan larangan-Nya. Elemen spiritual yang diasaskan oleh agama menjadi salah satu unsur yang disaksikan mampu mempengaruhi perubahan seseorang individu yang bermasalah kerana ia mampu mencipta makna dan kepercayaan dalam diri manusia (Khairunnas 2014).

Islam amat menekankan aspek kesihatan spiritual manusia terutama kepada umat Islam sendiri dalam menjana pembangunan insan sejagat agar segala cabaran mendatang dapat ditangani dengan baik (Dadang 1996). Usaha menguatkan aspek rohani adalah melalui cara mewujudkan kesihatan mental sebagaimana yang disarankan oleh Rasulullah SAW. Ini jelas disaksikan dalam sejarah perjalanan misi Rasulullah SAW di mana Nabi Muhammad SAW telah mencapai hasil yang cemerlang dalam memandu

manusia ke arah kehidupan yang baik dengan membangunkan aspek spiritual (Saiful Akhyar 2011).

Ujian Allah SWT kepada orang-orang Mukmin adalah bertujuan untuk menguji keimanan dan kesabaran diri mereka. Ujian yang diturunkan ke atas orang-orang mukmin pula mempunyai sebab-sebab tertentu yang telah ditentukan untuk kebaikan diri sendiri dan merupakan suatu ketetapan yang telah ditentukan oleh Allah SWT (al-Midani 1416H/1995M). Bagi orang-orang yang beriman, ujian yang dihadapi dalam bentuk penderitaan lebih membentuk diri mereka menjadi insan yang sentiasa mengingati kesusahan dan kesakitan insan lain. Mengingati segala dosa dan kesilapan diri, mengingati kematian dan hari pembalasan serta menjadikan hatinya sentiasa bergantung pada Allah SWT. Ujian Allah SWT ini juga adalah sebagai satu rahmat untuk menjadi peringatan yang berterusan dalam memelihara diri daripada leka dan lalai yang mengakibatkan manusia terpedaya dan terjerumus dalam kebinasaan. Ujian yang dihadapi oleh orang mukmin pula adalah berbeza-beza mengikut ketetapan yang telah ditentukan oleh Allah. Namun demikian, Allah SWT tidak akan menurunkan ujian terhadap hamba-Nya melainkan ianya mampu ditanggung oleh manusia (Sayyid Qutb 1414H/1994M).

Tiada manusia yang terkecuali daripada tidak ditimpa ujian Allah SWT dan Dialah yang telah menciptakan kehidupan manusia secara berperingkat-peringkat dan berbeza-beza. Setiap manusia tidak akan berada dalam keadaan yang sama sehingga akhir zaman. Samalah dengan kehidupan ini, ada ujian berbeza-beza, kadang kala ujian tersebut mudah ditempuhi dan ada ujian sangat merumitkan. Hal ini adalah Allah SWT mahu manusia meningkatkan tahap keimanan ke tahap yang sebenarnya memberi manfaat dan kebaikan kerana semakin manusia bertekad dan bersabar menghadapi musibah semakin tinggilah keimanannya kepada Allah SWT (Azar 2011).

Dalam al-Quran terdapat beberapa lafaz yang mempunyai maksud yang seerti dengan ujian iaitu lafaz *امتحان ابتلاء* dan *فتنه*. Lafaz *امتحان* berasal daripada kalimah *محن* yang bermaksud menguji. Selain itu, ia juga bermaksud mengazab dengan suatu azab yang pedih. Kata nama bagi *امتحان* ialah *امتحان* iaitu *اختيار* atau *ابتلاء* dan yang ketiga bermaksud ujian (Ahmad Hassan 1392H/1972M). Lafaz *ابتلاء* adalah kata nama daripada kalimah *ابتلى*. Asal perkataannya ialah *بلاء - بلواء - يبلو - بلاء* iaitu *اختبر* atau *جرب* yang bererti menguji. Selain itu, ia juga bermaksud meletihkan. Manakala perkataan *البلاء*

pula memberi banyak pengertian. Antaranya ialah suatu ujian yang diturunkan untuk menguji seseorang, kesedihan, dukacita atau kesusahan yang bersangatan (Ibn Manzur t.th). Allah SWT menguji orang Islam berdasarkan kepada 3 sebab adalah seperti berikut:

a. Kifarah

Kifarah ialah ujian ke atas orang yang baik tetapi terlanjur melakukan kejahatan. Maka ketika itulah Allah SWT jadikan kesusahan dalam ujian itu sebagai tebusan untuk menghapuskan dosa dan keterlanjuran. Allah SWT membalas kesalahannya di dunia untuk melepaskannya daripada dibalas di akhirat. Ini lebih baik kerana azab di dunia lebih ringan berbanding azab di akhirat. Ringkasnya kifarah adalah ujian orang-orang baik yang berbuat jahat. Dengan ujian itu, orang baik tersebut akan mendapat peringatan dan amaran di atas kelalaian dan keterlanjurannya lalu berusaha untuk bertaubat kepada Allah SWT.

b. Bala

Bala ialah ujian ke atas orang jahat yang melakukan kejahatan. Allah SWT jadikan ujian itu sebagai hukuman di dunia sebelum di hukum lebih berat di akhirat. Dengan kemurkaan-Nya, Allah SWT turunkan kepedihan dan kesengsaraan di dunia lagi sebelum manusia itu diazab di neraka. Ringkasnya bala ialah bentuk ujian ke atas orang yang berbuat jahat. Kesedihan atau dukacita dikategorikan sebagai bala kerana ia menyeksa dan menyakitkan tubuh badan manusia. Pentaklifan juga merupakan satu bala kerana ia dianggap sebagai bebanan yang perlu ditanggung oleh manusia yang dijadikan ujian oleh Allah SWT ke atas mereka (al-Raghib al-Asfihani 1417H/1997M).

c. Ibtala'

Ibtala' ialah ujian ke atas orang yang baik ketika melaksanakan kebaikannya, adalah tanda kasih sayang Allah SWT kepada hamba-Nya yang taat. Justeru dengan ibtala' hamba itu akan mendapat pahala dan ditinggikan darjatnya di sisi Allah SWT. Jika tidak diuji, bagaimana hamba yang taat itu hendak mendapat pahala sabar, syukur, redha, pemaaf, qanaah daripada Tuhan? Maka dengan bentuk ujian inilah ada dalam kalangan para Rasul yang ditingkatkan darjat Ulul Azmi iaitu mereka yang paling gigih, sabar dan berani menanggung ujian.

Banyak hikmah di sebalik suka dan derita yang melanda kehidupan seseorang insan. Kadang kala, hidup yang dipenuhi suka dan ceria telah melalaikan ramai manusia. Ingatannya kepada akhirat dan kehidupan yang hakiki antara tenggelam dan timbul, mungkin juga menjadi kabur. Bukan kerana tidak tahu tentang hakikat sementara hidup ini tetapi kerana terlalu seronok dengan kemeriahan hidup, kehalusan perasaan tentang hakikat kehidupan dunia dan akhirat itu terhakis (Mohd Asri 2013).

Berdasarkan kepada tiga sebab di atas, ujian Allah SWT ini diberikan kepada manusia, bahawa Allah SWT amat menyayangi makhluk ciptaan-Nya. Ujian dan dugaan yang menimpa itu adalah sebagai tanda kasih sayang Allah SWT, agar mereka dapat mendekati diri kepada-Nya dengan lebih bersungguh-sungguh serta menguji kesabaran dan ketaatan hamba ciptaan-Nya agar hidup mereka mendapat lebih keberkatan dan keampunan dari Allah SWT (Pahrol 2008).

Aspek kerohanian ini juga sebagai penambahbaikan kepada pendekatan untuk mendampingi pesakit kanser wanita dalam kalangan wanita di samping meneruskan aktiviti kebajikan yang disediakan oleh badan-badan atau persatuan kebajikan di Malaysia. Secara fitrahnya, badan manusia memerlukan kerohanian untuk menyejahterakan fizikal, mental dan emosi. Kerohanian berperanan mendekati diri kepada pencipta, mendidik dan menguatkan diri seperti berdoa, berzikir, menuntut ilmu, melakukan solat-solat sunat dan sebagainya sebagai alternatif terapi diri bagi menenteramkan hati, akal dan jasad demi mencapai kesejahteraan hidup. Kesejahteraan hidup merujuk kepada hubungan positif seseorang dengan orang lain, kaum keluarga dan masyarakat keseluruhannya (Mohd Kamel 2011).

Tujuan manusia diutuskan di muka bumi ini adalah untuk beribadat kepada Allah SWT. Ini menunjukkan bahawa Allah SWT itu menghendaki sesuatu kepentingan untuk diri-Nya tetapi demi kebaikan hamba-Nya. Konsep ibadah dalam Islam amat luas. Ibadah bukan sekadar melaksanakan solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya, malah mencakupi aspek kehidupan manusia seperti ekonomi, politik, sosial, kebudayaan, pendidikan, pentadbiran dan sebagainya asalkan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT mengikut syariat Islamiah. Islam adalah agama yang sempurna. Segala penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapi oleh umatnya telah disebut dalam al-Quran. Di dalamnya terdapat seluruh perbendaharaan ilmu, hukum hakam, rahsia-rahsia kebenaran dan petunjuk sebagai panduan untuk menjalani kehidupan di dunia (Mustafa 1995). Firman Allah yang bermaksud:



*“Sesungguhnya orang-orang yang tidak menaruh ingatan akan menemui Kami (pada hari akhirat untuk menerima balasan) dan yang reda (berpuas hati) dengan kehidupan dunia semata-mata serta merasa tenteram dengannya dan orang-orang yang tidak mengindahkan ayat-ayat (keterangan dan tanda-tanda kekuasaan) kami.”*

(Al-Quran, Yunus 10:7)

Tafsir Ibnu Katsir menyatakan bahawa Allah SWT berfirman sambil mengkhabarkan tentang orang-orang yang celaka, yang mengingkar pertemuan dengan Allah SWT pada hari kiamat. Mereka tidak dapat mengharapkan sesuatu apa pun dari pertemuan itu, mereka hanya senang dan tenang dengan kehidupan dunia. Al- Hassan Basri berkata: Demi Allah! Tidaklah mereka menghias dunia dan tidak juga mengagungkan (berlebih-lebihan) sehingga mereka redha dengannya, sedangkan mereka lalai dari ayat-ayat Allah SWT yang kawniyyah (berupa alam ciptaan-Nya) mereka tidak memikirkannya, begitu juga terhadap ayat-ayat syar’iyyah-Nya, mereka tidak melaksanakannya. Sesungguhnya tempat kembali mereka pada hari kiamat adalah neraka sebagai balasan atas dosa-dosa, kesalahan dan kejahatan yang mereka perlakukan di dunia, ditambah dengan kekafiran mereka kepada Allah SWT, Rasul-Nya dan hari kiamat (Abdullah 2003).

#### KEPENTINGAN KEROHANIAN TERHADAP PESAKIT KANSER WANITA

Amalan kerohanian bermaksud amalan untuk mengembalikan kesucian dan kemurnian hati yang telah dinodai dengan noda-noda kemaksiatan, kemungkar, kejahilan, kesesakan, kealpaan dan penyakit-penyakit hati yang lain (Nurhikmah 1996). Dalam mengamalkan amalan-amalan kerohanian bagi tujuan membersihkan hati, masyarakat Melayu Islam berpegang kepada aliran ahli sunnah wal jamaah dan bermazhab syafi’e. Mereka tidak hanya menjalani bidang akidah dan syariat, bahkan bidang akhlak dan tasawuf. Bidang akhlak dan tasawuf ini memang telah diketahui sebagai satu bidang yang menjuruskan kepada pembentukan hati dan rohani. Pemikiran akal yang terbatas tidak mampu menghalusi hikmah daripada pemberian Allah SWT dan setiap kejadian atau tragedi pahit yang menimpa seseorang manusia. Manusia sering kali mempersoalkan tujuan dan sebab setiap penciptaan yang dicipta oleh Allah SWT sehinggakan menyebabkan mereka bertindak melampaui batasan dengan melakukan perkara-perkara

yang dilarang serta meninggalkan kewajiban yang perlu dilaksanakan. Setiap ciptaan dan kejadian yang berlaku mengandungi hikmah yang tidak diketahui serta tidak mampu dihitung oleh manusia tetapi perlu disedari bahawa hikmah tersebut memberi kebaikan kepada individu yang menanggung ujian tersebut (Asep Usman 2001). Manusia perlu menerima ujian Allah SWT adalah seperti berikut:

a. Ujian adalah Satu Rahmat daripada Allah SWT

Allah SWT bersifat rahmat terhadap seluruh makhluk-Nya yang merangkumi sekalian manusia sama ada orang-orang muslim atau kafir dan rahmat Allah SWT itu adalah teramat luas serta tidak terhitung oleh manusia. Menurut al-Asfahani bahawa rahmat Allah SWT ialah kurniaan nikmat atau limpahan ihsan iaitu sifat kehalusan dan kelembutan terhadap anak-anak Adam. Manakala Ibn Manzur pula, rahmat ialah kehalusan, kelembutan, kasih sayang dan keampunan. Ujian yang dihadapi oleh manusia adalah sebagai satu rahmat daripada-Nya untuk mengelakkan manusia daripada terus sesat dalam kejahatan dan hanyut dalam nikmat dunia. Kesusahan yang dilalui dapat menggugurkan sebahagian dosa-dosa yang dilakukan supaya kembali sedar dan bertaubat. Sekiranya tiada sifat rahmat daripada Allah SWT, nescaya manusia terus terbiar dan hanyut dalam keseronokan dunia (al-Raghib al-Asfihani 1417H/1997M). Firman Allah SWT:

*“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.”*  
(Al-Quran, al-Tin 95: 4)

Tafsir al-Munir mengatakan bahawa penciptaan manusia adalah untuk beribadah kepada-Nya. Oleh itu, perkara ini memerlukan peringatan yang berterusan kepada manusia terhadap peranan dan tugas tersebut. Menerusi ayat di atas, Allah SWT menerangkan matlamat penciptaan manusia iaitu beribadah. Ibadah di sini membawa maksud merendah diri, tunduk, patuh, mengenali Allah SWT dan mengikhlaskan niat kepada-Nya. Allah SWT tidak menciptakan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Nya dan sesiapa yang melaksanakan segala perintah-perintah-Nya, dia akan dibalas dengan pahala dan sesiapa yang menderhakai-Nya, dia akan menerima seksaan yang pedih dan sekiranya sampai masa yang telah ditetapkan oleh Allah SWT, maka kita akan diduga dengan pelbagai ujian hidup untuk Allah SWT menilai siapakah di antara mereka orang yang benar-benar bersabar

dengan ujian-Nya dan siapakah di antara mereka orang yang paling bertakwa kepada-Nya (al-Zuhayli 1998).

b. **Membersihkan Jiwa Orang Mukmin**

Tanda kasih sayang Allah SWT kepada orang mukmin adalah melalui ujian yang diturunkan kepada mereka. Jiwa manusia sentiasa perlu dikejutkan terutamanya dengan sesuatu perkara yang sukar dan memedihkan kerana dengan cara sedemikian, jiwa mereka dapat dibersihkan daripada kekotoran maksiat. Para Nabi dan Rasul adalah manusia yang banyak menerima ujian daripada Allah SWT. Contoh Nabi Muhammad SAW yang diuji penuh dengan pelbagai liku-liku hidup dan cabaran bermula dari Baginda dilahirkan hinggalah ke saat-saat kewafatan. Hikmah penurunan ujian kepada manusia adalah untuk membezakan keimanan seseorang. Musibah merupakan kejadian yang tidak diingini oleh manusia serta mendatangkan beban. Reaksi penerimaan mereka terhadap musibah dapat membongkar rahsia hati mereka sama ada mereka benar-benar beriman atau sebaliknya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah SWT tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman dan nyata pula apa yang diketahui-Nya tentang orang-orang yang berdusta.”*

(Al-Quran, al-Ankabut 29: 2-3)

Tafsir al-Thabari mengatakan Muhammad bin Amr menceritakan kepadaku, ia berkata: Abu Ashim menceritakan kepada kami, ia berkata: Isa menceritakan kepada kami, al-Harits menceritakan kepadaku, ia berkata: al-Hasan menceritakan kepada kami, semuanya dari Ibn Abu Najih dari mujahid tentang ayat kami telah beriman, sedang mereka tidak diuji lagi?. Ia bermaksud adalah diri dan harta benda mereka akan diuji. Manakala ayat ketiga dari surah ini pula maksudnya adalah sesungguhnya kami telah menguji umat-umat sebelum mereka. Umat-umat yang telah kami kirim para Rasul kepada mereka, mereka berkata seperti kata-kata yang diucapkan umatmu kepada musuh mereka. Wahai Muhammad, kemudian kami teguhkan mereka terhadap perbuatan aniaya musuh-musuh mereka.

Contohnya Musa yang kami telah mengutuskan kepada Bani Israel, kami uji mereka dengan Firaun. Contohnya Isa, kami telah mengutuskan Bani Israel, kami uji pengikutnya dengan orang yang berpaling darinya. Demikian juga para pengikutmu, kami uji mereka dengan musuh-musuhmu yang menentangmu. Akan tetapi, maksud ayat ini adalah Allah SWT ingin memperlihatkan kejujuran orang yang jujur dan benar di antara mereka dalam ucapan mereka, kami beriman kepada Allah SWT serta orang yang berdusta dengan menguji mereka terhadap musuh-musuh di antara mereka. Keterangan ayat tersebut menjelaskan bahawa manusia tidak akan diiktiraf kebenaran imannya sebelum diturunkan ujian ke atas dirinya (Abu Ja'far 2007).

c. Latihan kepada Manusia dalam Membentuk Peribadi Mulia

Sifat manusia di antaranya sentiasa bersifat leka, lalai dan lupa. Sekiranya tidak diberi peringatan atau tidak pernah merasai kesakitan dan kepayahan nescaya dirinya terus hanyut dan sukar untuk menerima peringatan. Kegagalan atau keburukan yang menimpa diri akan mencetuskan semangat baru dan menjadi pengajaran buat diri mereka. Ujian yang melibatkan urusan dunia menentukan untung nasib seseorang manusia. Sebaliknya ujian Allah SWT yang terdiri daripada bala, musibah, bencana, kesakitan, kematian dan sebagainya lebih membentuk keperibadian manusia. Ujian yang sedemikian ini lebih memberi keuntungan kepada mereka sama ada di dunia atau di akhirat sekiranya ujian itu dapat dilalui dengan baik. Melalui ujian ini juga, Allah SWT ingin menguji tahap kesabaran manusia serta mendidik mereka cara untuk mengawal perasaan kerana menahan diri untuk mengawal perasaan merupakan satu perbuatan yang teramat sukar.

Selain memberi kekuatan jiwa, musibah yang menimpa akan menjadikan seseorang mukmin membuat pengaduan dan meminta pertolongan daripada Allah SWT. Keadaan ini mendidik diri mereka agar sentiasa berhubung dan bergantung kepada Allah SWT. Ini kerana perkara yang berkaitan dengan penurunan musibah merupakan ketentuan Allah SWT dan manusia dididik supaya sentiasa meminta perlindungan dari-Nya. Ketenteraman dengan mengingati Allah SWT yang wujud di dalam hati orang-orang yang beriman adalah merupakan satu hakikat yang amat mendalam, yang diketahui oleh mereka, yang menikmati kemanisan iman di dalam hati dan membuat mereka sentiasa berhubung dengan Allah SWT. Ketenteraman akan melahirkan sikap redha menerima ujian dan selalu bersabar dalam menghadapi kesusahan (Qutb 2000). Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Allah SWT tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya, ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebankan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami. Oleh itu, tolonglah Kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir.”*

(Al-Quran, al-Baqarah 2: 286)

Tafsir al-Azhar menyatakan bahawa memang tidak ada suatu perintah yang didatangkan oleh Allah SWT yang tidak akan terpikul oleh tiap-tiap diri manusia. Tidak ada perintah yang berat, apatah lagi kalau iman telah ada. Contoh solat, sekiranya tidak sanggup berdiri, bolehlah duduk, tidak sanggup duduk, bolehlah berbaring, tidak ada air, bolehlah bertayamum, puasa di dalam musafir atau sakit bolehlah diganti di hari yang lain. Zakat hanya diwajibkan kepada yang telah sampai nisab dan haul (tahun), yang tidak berkemampuan, tidaklah wajib berzakat, menunaikan haji diperintahkan sekiranya belanja telah mencukupi dan perjalanan aman serta diwajibkan hanya sekali dalam seumur hidup. Di akhir ayat ini, Allah SWT telah menjelaskan bahawa suatu diri tidak diberkati lebih dari sekadar dipikulnya. Akan tetapi, orang yang beriman masih tetap berdoa, jangan kiranya mereka sebagai suatu umat dipikul beban atau seksa berat sebagaimana umat terdahulu (Hamka 2015). Mengikut al-Ghazali terdapat lapan perkara yang menyebabkan matinya hati (jiwa rohani) seseorang itu (Mohamad Nor 2011) adalah seperti berikut:

- a. Mengetahui hak Allah SWT, tetapi tidak ditunaikan.
- b. Membaca al-Quran tetapi tidak mengamalkan ajarannya.
- c. Mengatakan kami cinta kepada Rasulullah SAW, tetapi tidak mengamalkan sunnah baginda SAW.
- d. Mengatakan takut mati, tetapi tidak melengkapkan diri untuk menghadapi mati.
- e. Mengatakan takut neraka, tetapi menganiayai badan dalam neraka.

- f. Mengatakan cinta kepada syurga, tetapi tidak beramal untuk mendapatkan syurga.
- g. Apabila bangun dari tidur mencari aib orang lain, tetapi aib sendiri diletakkan di belakang.
- h. Syaitan itu musuh, tetapi tidak diperlakukan sebagai musuh.

Ujian itu adalah penghapus dosa, peringatan kepada manusia agar tidak lalai, ada tawaran untuk mendapatkan pahala dengan cara mengingati akan nikmat dan ada harapan untuk mendapatkan ganjaran. Islam mengajar orang mukmin apabila berada dalam situasi ini, hendaklah mengamalkan konsep kerohanian agar ia dapat mendidik jiwa supaya menerima hakikat dan kenyataan bahawa qadha' Allah pasti akan terjadi, sama ada kita menolak atau menerima. Perbezaannya cuma bagi orang yang menerimanya dengan berlapang dada, maka akan mendapat pahala dan kebahagiaan. Manakala orang yang menolak akan mendapat dosa dan kesengsaraan.

## KESIMPULAN

Kesakitan bukanlah alasan untuk menjauhkan diri daripada Allah SWT kerana falsafah kesakitan menurut Islam adalah sebagai wahana untuk Allah SWT menghapuskan dosa-dosa yang terdahulu. Sekiranya diamati, hikmat di sebalik ujian yang menimpa antaranya ialah sebagai satu rahmat, membersihkan jiwa orang mukmin dan sebagai latihan kepada manusia dalam membentuk peribadi yang mulia. Usaha yang kental dan tekal umat manusia dalam menunaikan ibadah kepada Allah SWT bukan sahaja akan memberikan faedah kepada kehidupan mereka di akhirat nanti, malah kesan positifnya telah mampu diraih di dunia ini sama ada dari aspek penyucian jiwa yang mampu menanam ketenangan, kedamaian dan kebahagiaan jiwa mahupun aspek fizikal dan rohani.

## RUJUKAN

- Abdullah Muhammad bin Abdurrahmān bin Ishāq al-Sheikh. 2003. *Tafsir Ibnu Kathir Jil 4*. Muassasah Dal al-Hilaal Cairo: Pustaka Imam asy-Syafie<sup>c</sup>.
- Abu Amirul. 2012. *Terapi Hati*. Selangor: Grup Karangkrak Sdn Bhd.
- Abu Ja<sup>c</sup>far Muhammad Jarir al-Thabari. 2007. *Tafsir al-Thabāri*. Jakarta: Pustaka Azzam.

- Abu Soleh Nasaruddin. 1997. *Jalan-Jalan Mengingati Allah*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Afif Abd al-Fattāh Tabbārah. t.th. *Ruh al-Dīn al-Islamīy*. Beirut: Dār al-Ilm Lil Malayīn.
- Ahmad Hassan al-Ziyat wa Akharun. 1392H/1972M. *Mu<sup>o</sup>jam al-Wasit Juz 2*. Turki: Maktabāh al-Islamīyyah.
- ° Aidh Abdullah al-Qarni. 2014. *Jangan Bersedih, Don't Be Sad*. Selangor: Al-Hidayah Publication.
- Ali Daud Muhammad Jaffal. 1409H/1989M. *Al-Taubat wa Athāruha Fī Isqat al-Hudūd Fi al-Islamīy*. Beirut: Dār al-Nahdah al-Arabiyyāh.
- Amal Salih Nasir. 1419H/1998M. *Al-Taubah Fi Du al-Qurān Al-Karim*. Saudiyyāh: Dār al-Andalus al-Khadra al-Saudiyyāh.
- Amina Nor. 2000. *Menjana Jiwa Yang Luhur*. Selangor: Darul Iman.
- Amran Kasimin & Haron Din. 1997. *Doa dan Rawatan Penyakit. Jil 1&2*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Asep Usman Ismail. 2001. *Dzikrullah Membeningkan Hati, Menghampiri Ilahi Dalam Zikir Sufi Menghampiri Ilahi Lewat Tasawuf*. Jakarta: PT Serambi Ilmu Semesta.
- Azar Ahmad. 2011. *Subhanallah Ada Rahmat Di sebalik Musibah*. Selangor: Karisma Network Sdn Bhd.
- Azimathol Hawariah Lope Pihie. 1998. *Memahami Kanser*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- D. Farhani. 2003. *Memerangi Kanser Payu Dara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dadang Hawari. 1997. *Al-Quran Ilmu Kedokteran Jiwa dan Kesihatan Jiwa*. Yogyakarta: PT Dana Bhakti Prima Yasa.
- Hamka. 2015. *Tafsir al-Azhar, Karya Agung Ulam Nusantara Jil 5*. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Haron Din. 2011. *Pengantar Perubatan Islam Jil 1*. Bangi: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia Berhad.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyāh, Muhammad Ibn Abi Bakr. 1416H/1996M. *Madarīj al-Salihīn. Juz 2*. Al-Qahirah: Dār al-Hadīth.
- Ibn Kathir, Ismail Ibn Kathir. 1410H/1990M. *Al-Hidayāh Wa Al-Nihayāh*. Beirut: Maktabāh al-Ma<sup>o</sup>arif.
- Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukrim. t.th. *Lisān al-Arāb Juz 18*. Mesir: al-Dār al- Misriyyāh Li al- Ta<sup>o</sup>lif.
- Khairunnas Hamimah. 2014. *Penerapan Agama Dalam Modul Psikospiritual dan Kesannya Terhadap Kesihatan Spiritual*. Kajian

- Kes di Kompleks Dar as-Saa'dah Kuala Lumpur: *Jurnal Syariah* 22 (1), 107-127.
- Lokman Abdul Hamid. 2013. *Perubatan al-Quran Rawatan Kanser*. Selangor: Mustread Sdn Bhd.
- Mahmud, Abdul Halim. t.th. *Hal Ehwal Tasawuf*. Indonesia: Darul Ihya'.
- al-Midani, Abd Rahmān Hasan Hanbakah. 1416H/1995M. *Al-Akhlāq al-Islamiyyāh Wa Ususuhā*. Damsyiq: Dār al-Qalām.
- al-Midani, Abd Rahman Hasan Hanbakah. 1416H/1995M. *Ibtida' al-Iradāh bi al-Imān wa al-Islām wa al-Ībadāh*. Damshiq: Dār al-Qalām.
- Mohamad Hasbi Hassan. 2004. *Amalan Kerohanian Masyarakat Melayu* Singapura. Bangi: UKM
- Mohd Asri Zainal Abidin. 2013. *Penawar Duka Pengubat Sengsara*. Cetakan ke-4. Selangor: Grup Buku Karangkrif Sdn Bhd.
- Mohd Kamel Idris. 2011. *Mencari Kesejahteraan Minda, Emosi dan Fizikal*. Selangor: MKI Publishing.
- Mohd Majid Konting. 2009. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nakhaie Ahmad. 1998. *Di Bawah Naungan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Mohd Sulaiman Hasan. 1992. *Akhlak dan Tasawuf*. Selangor: Yayasan Salman.
- Mohd Zaini Yahaya & Mohd Sukki Othman. 2010. *Mengurus Stress-Islam Ada Caranya*. Selangor: Soul.
- Mustafa Hj Daud. 1995. *Konsep Ibadah Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Naisaburi, Imam al-Qushairi. 1999. *Al-Risālah Qusyairiyyāh*. Terj Hakim. L. Surabaya: Risalah Gusti.
- Nor Hisham Ismail. 2012. *Mencari Redhamu*. Cetakan ke 3. Selangor: Karya Bestari.
- Nurhikmah. 1966. *Al-Ghazali Keajaiban Hati Ihya Ulumuddin*. Cet. ke-3. Djakarta: Tintamas.
- Pahrol Muhamad Juoi. 2008. *Dilema Melayu Islam Kurang Fikir Atau Kurang Zikir*. Selangor: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Qutub, al-Shahid Sayid. 2000. *Tafsir Fī Zilāl al-Qurān*. Jil 9. Terj. Yusoff Zaki Yacob. Kelantan: Aman Press Sdn Bhd.
- Said Hawwa. 2002. *Mensucikan Jiwa: Konsep Tazkiyyah al-Nafs Terpadu*. Terj. Aunur Rafiq Shaleh Tamhid. Jakarta: Robbani Press.
- Saiful Akhyar Lubis. 2011. *Kaunseling Islam dan Kesehatan Mental*. Bandung: Citapustaka Media Perintis.



Sayid Qutb. 1414H/1994M. *Tafsir Fī Zilāl al-Qurān*. Terj. Yusuf Zaki Hj Yaacob. Jil 17. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn Bhd.  
Al-Tayyibi, Ukashah Abd al-Manan. 1993. *Al-Istishfa Bi al-Qurān Wa al-Duā'*. Kaherah: Maktabah al-Turāth al-Islami.